

**Jabatan Penerangan Johor Mulakan Kembara Merdeka Jalur Gemilang
Bernama
1 Ogos, 2012**

JOHOR BAHRU, 1 Ogos (Bernama) -- Jabatan Penerangan Johor memulakan program Kembara Merdeka Jalur Gemilang ke seluruh negeri ini dua hari lepas sebagai usaha menyemarakkan sambutan hari kemerdekaan kali ini.

Pengarahnya Hamdan Hasnan berkata program itu bertujuan menarik minat pelbagai lapisan masyarakat khususnya golongan muda untuk bersama mengibarkan Jalur Gemilang dalam meningkatkan penghayatan sejarah, perjuangan negara dan kemerdekaan tanah air.

"Kembara ini dijalankan dalam dua fasa iaitu bulan Ramadan dan Aidilfitri. Konvoi fasa Ramadan bermula di daerah Kota Tinggi, Isnin lepas dan berakhir di Pontian pada 9 Ogos depan manakala kembara fasa Aidilfitri pula bermula pada 3 hingga 14 September depan," katanya.

Beliau berkata antara pengisian kembara konvoi fasa Ramadan termasuk hebahan kibaran Jalur Gemilang di kawasan perumahan dan tumpuan orang ramai, ucapan pemimpin, pengedaran Jalur Gemilang, jamuan muhibah, penyampaian sumbangan kepada golongan yang memerlukan, sembahyang tarawih dan majlis bersahur.

"Pengisian pada fasa Aidilfitri pula melibatkan ucapan pemimpin dan majlis jamuan. Kita berharap orang ramai turut bersama-sama menjayakan program ini supaya sambutan kemerdekaan mulai 17 Julai sehingga 16 September depan dapat disemarakkan," katanya.

Katanya kembara itu turut mendapat kerjasama sebuah badan bukan kerajaan iaitu sehelaibaju.com yang akan menyumbang pakaian raya kepada 35 anak yatim di daerah Ledang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684707>

